

PROGRAM KECEMERLANGAN



UPSR 2006



MATEMATIK

(CEMERLANG 'A')

Anjuran

**PEJABAT PELAJARAN DAERAH
&
MAJLIS GURU CEMERLANG
NEGERI JOHOR**

PANEL PENGGUBAL

EN. LEE WHAN KAH

EN. HAZALI BIN HASSAN

PN. NORAH BTE SHEKH KARAMAH

EN. MD IBNU HAJAR BIN MD TAHA

EN. MOHYAR BIN SAHIJAN

GC SEGAMAT

GC MUAR

GC MUAR

GC KULAI

GC PONTIAN

KERTAS 1

1. 234 567 dibundarkan kepada puluh ribu yang hampir ialah
- A 230 000 C 235 000
B 234 000 D 240 000



2. Rajah di atas menunjukkan sebuah balang berisi kacang untuk diteka jumlah kacang di dalamnya. Diberi jumlah sebenar kacang itu ialah 494 987 biji. Antara tekaan berikut, yang manakah paling hampir dengan jumlah sebenar kacang itu?
- A 490 000 C 495 000
B 494 000 D 500 000

3. Rajah di bawah menunjukkan susunan nombor mengikut suatu urutan tertentu.

Y, 36, 12, 4

Nilai Y ialah

- A 48 C 108
B 60 D 144
4. Antara nombor berikut, yang dibundarkan kepada puluh ribu yang hampir menjadi 5 490 000?
- A 5 499 042 C 5 494 374
B 5 495 047 D 5 484 916
5. Diberi $8\,000 + \square = 3\,278 + 5\,423$. Apakah nombor yang sepatutnya ditulis dalam petak itu?
- A 791 C 691
B 701 D 601
6. $66\,674 \div 37 =$
- A 182 C 1 802
B 1 082 D 1 820
7. $4\,056\,200 + 241\,300 + 52\,500 =$
- A 0.43 juta C 4.35 juta
B 0.435 juta D 4.4 juta

8. Berapakah perlu ditambah kepada hasil tambah bagi nombor 32 456 dan 11935 supaya jumlahnya ialah 100 000?

- A 44391 C 67544
B 55609 D 88065

9. $999\,000 - 38\,277 =$

- A 950 723 C 960 723
B 951 723 D 961 723

Kenderaan	Tempoh perjalanan
Van	3 jam 35 minit
Kereta	2 jam 50 minit

10. Jadual di atas menunjukkan tempoh perjalanan dua buah kenderaan dari Kuala Lumpur ke Pagoh. Beza antara tempoh perjalanan van dan kereta itu ialah

- A 15 minit C 1 jam 15 minit
B 45 minit D 1 jam 45 minit

11. Beza umur antara Abas dengan kakaknya ialah 26 bulan. Hitungkan umur Abas jika umur kakaknya 14 tahun.

- A 1 1 tahun 2 bulan C 11 tahun 10 bulan
B 1 1 tahun 8 bulan D 12 tahun 2 bulan

12. $1\frac{3}{5} \times 480 =$

- A 384 C 800
B 768 D 864

13. Dalam satu pertandingan setiap pasukan diberi 85 biji guli. Sekiranya bilangan pasukan yang ada dalam pertandingan itu ialah 24, berapakah jumlah guli yang harus disediakan?

- A 2404 B 2040 C 109 D 61

14. Hasil darab 4.08×600 , kepada ribu yang hampir, ialah

- A 2 000 C 2 500
B 2 450 D 3 000

15. $(120 + 84) \times (10 + 12) =$

- A 972 C 4 488
B 2 050 D 10 200

16. $12\,004 \div 40 =$

- A 300 baki 4 C 3 000 baki 4
B 301 D 3001

Kuantiti alat tulis	Harga seunit
5 batang pembaris	60 sen
4 batang pen	RM20
3 botol dakwat	RM7

17. Cikgu Munah mempunyai wang sebanyak RM110. Dia membeli alat tulis seperti yang ditunjukkan dalam Jadual di atas. Kesemua baki wang yang ada padanya digunakan untuk membeli 5 tin minuman yang sama harga.

Berapa harga satu tin minuman itu?

- A 60 sen C RM1.20
B 80 sen D RM1.50

18. $\frac{1}{3}$ daripada 480 biskut telah dijual. Bakiya dibahagikan sama banyak kepada empat kumpulan murid.

Berapakah bilangan biskut yang setiap kumpulandapat?

- A 40 C 120 B 80 D 160

19. $53\,421 - 839 \times 7 =$

- A 368 074 C 47 648
B 358 074 D 47 548

20. Amir mengumpul 406 biji getah. Didapati 14 daripada biji getah itu rosak. Amir mengisi biji getah yang tidak rosak ke dalam 7 uncang.

Berapakah bilangan biji getah dalam setiap uncang itu jika setiap uncang diisi dengan sama banyak?


- A 44 C 58
B 56 D 60

21. Isi padu air dalam sebuah bekas ialah 5.4 l. Ibu telah menuang sama banyak ke dalam 6 buah gelas, setiap gelas sebanyak 325 ml. Antara berikut, yang manakah pengiraan yang betul bagi mendapatkan isi padu, dalam ml, baki air yang tinggal dalam bekas itu?

- A $\frac{5\,400 - 325}{6}$ C $5\,400 - 6 \times 325$
B $6 \times 325 - 540$ D $\frac{540}{6} - 540$

22. $8 - \frac{5}{7} =$

- A $7\frac{2}{7}$ C $8\frac{2}{7}$
B $7\frac{3}{7}$ D $8\frac{5}{7}$




23. Rajah atas menunjukkan garis nombor. Antara berikut, yang manakah nilai x ?

- A $1\frac{1}{3}$ C $1\frac{1}{9}$
 B $1\frac{2}{3}$ D $1\frac{2}{9}$

24. Sebiji kek telah dipotong kepada 12 bahagian yang sama besar. Abang makan $\frac{1}{2}$ daripada kek itu.

Kemudian kakak makan $\frac{3}{4}$ daripada kek yang tinggal. Antara berikut, kawasan berlorek yang manakah menunjukkan bahagian kek yang telah dimakan oleh abang dan kakak?



HIDUP SIHAT TANPA DADAH

25. Rajah di atas menunjukkan papan tanda. Antara berikut, yang manakah pecahan yang mewakili jumlah huruf A dan huruf H daripada keseluruhan bilangan huruf pada papan tanda itu?


- A $\frac{1}{4}$ C $\frac{2}{5}$
 B $\frac{2}{3}$ D $\frac{4}{5}$

$$\frac{1}{4} + \frac{1}{3} =$$


26. Rajah di atas menunjukkan satu tugas murid. Untuk menyelesaikan tugas itu, penyebut yang tidak sesuai dipilih ialah
- A 12 C 36
B 16 D 48
27. $5 - 2.76 + 1.847 =$
- A 4.087 C 4.557
B 4.507 D 5.087

6.38

28. Rajah di atas menunjukkan sekeping kad nombor. Beza antara nilai digit 3 dan digit 8 dalam nombor itu ialah
- A 0.05 C 0.38
B 0.22 D 0.77



29. Rajah di atas menunjukkan satu garis nombor. Nilai Y ialah
- A 4.0 C 5.2
B 4.4 D 5.6



30. Carta palang dalam rajah di atas menunjukkan perbelanjaan Encik Kamal bagi satu bulan tertentu. Gaji Encik Kamal ialah RM1 200 sebulan. Berapakah baki gaji Encik Kamal untuk bulan itu?
- A RM250 C RM850 B RM350 D RM950

31.

Kuantiti	Barang	Harga seunit	
		Beli (RM)	Jual (RM)
2 botol	Kicap	1.40	1.90
3kg	Gula	1.00	1.20
3 buku	Sabun	0.80	1.20

Jadual di atas menunjukkan harga beli dan harga jual seunit barang bagi tiga jenis barang. Berapakah jumlah untung jualan semua barang itu?

- A RM1.10 C RM7.50
 B RM2.80 D RM 19.20

32. Harga sekotak susu ialah RM1.50. Bagi setiap 12 kotak susu itu, potongan harga RM2.00 ditawarkan. Timah membeli 30 kotak susu yang sama.


Berapakah yang perlu Timah bayar?

- A RM45 C RM36
 B RM41 D RM34

Bil	Bayaran
Air	RM20
Telefon Elektrik	RM70
Jumlah	RM120

33. Jadual di atas yang tidak lengkap menunjukkan bayaran bil keluarga Puan Chan. Jika gaji Puan Chan ialah RM1 500, berapa peratuskah bayaran bil elektrik daripada jumlah gajinya?

- A 2 C 8
 B 6 D 25




34. Rajah di atas menunjukkan satu peta jalan mencari harta karun. Chong bermula dari Stesen 1 dan sepatutnya terus ke Stesen 3, tetapi dia telah tersesat selepas Stesen 2 dan sampai di tempat bertanda M. Chong kemudian berpatah balik ke Stesen 2 dan terus ke Stesen 3.

Berapakah jumlah jarak, dalam km, yang Chong lalui?

- A 7.22 C 7.52
 B 7.28 D 7.82


35.



Rajah di atas menunjukkan bacaan alat timbang bagi jumlah berat dua tin susu, W dan X. Jika tin susu X ditukar dengan tin susu yang beratnya 750 g, berapakah jumlah berat, dalam kg, dua tin susu itu?

- A 1.7 C 2.45
 B 2.0 D 3.25


36.



Rajah di atas menunjukkan sebuah kuboid yang berisipadu 300 cm^3 . Sebuah kubus bersisi 4 cm dipotong keluar daripada kuboid itu. Berapakah isipadu, dalam cm^3 , bahagian yang tinggal?

- A 236 C 284
 B 252 D 296


37.



Rajah di atas menunjukkan pepejal cantuman kuboid X dan kubus Y, dengan keadaan bucu-bucu dan permukaan yang bertemu itu bercantum rapat. Jika isi padu seluruh pepejal itu ialah 200 cm^3 , hitungkan isi padu, dalam cm^3 , kuboid X.

- A 75 C 180
 B 175 D 194

38.



Rajah di atas menunjukkan waktu mula dan tamat suatu rancangan di televisyen pada malam Ahad.

Jika $\frac{1}{5}$ daripada tempoh rancangan itu ditayangkan iklan, berapakah masa, dalam minit, tayangan iklan itu?


- A 15 C 27
B 23 D 30

39. Sebuah bas mengambil masa 5 jam untuk perjalanan dari Seremban ke Ipoh. Bas itu bertolak dari Seremban pada jam 10.30 malam.

Nyatakan waktu, dalam sistem 24 jam, bas itu tiba di Ipoh.

- A Jam 0330 C Jam 0830
B Jam 0530 D Jam 1530

40. Rajah di bawah menunjukkan waktu mula dan waktu tamat ujian pada suatu pagi.



Cikgu Tini menganggarkan Zainal menyiapkan ujian itu dalam masa 80% daripada tempoh yang ditetapkan. Zainal menyiapkan ujian itu dalam masa 55 minit.

Berbanding dengan tempoh yang diambil oleh Zainal, anggaran Cikgu Tini adalah

- A lebih 5 minit C kurang 25 minit
B lebih 20 minit D kurang 15 minit

41. Antara berikut, yang manakah menunjukkan sistem 12 jam dan sistem 24 jam yang sepadan?

	Sistem 12 jam	Sistem 24
A	1.15 p.m.	Jam 1315
B	9.00 a.m.	Jam 2100
C	3.40 a.m.	Jam 1540
D	6.30 p.m.	Jam 0630

42. Diberi purata tiga nombor ialah 5 dan jumlah dua nombor itu ialah 12. Antara berikut, yang manakah pengiraan yang betul untuk mencari nilai nombor ketiga?

A	$\frac{3+5+12}{3}$	C	$(5 \times 3) - 12$
B	$\frac{5+12+12}{3}$	D	$(5 \times 3) - (12 \div 2)$


- 43.

Nama	Adi	Ali	Ani	Awi
Wang yang dimiliki	RM7.80	RM 12.00	RM4.20	60 sen

Jadual di atas menunjukkan wang yang dimiliki oleh empat orang murid. Setiapmurid itu menderma sebanyak 30 sen seorang kepada tabung sains sekolah. Berapakah purata wang yang tinggal bagi keempat-empat orang murid itu?

- | | | | |
|---|--------|---|--------|
| A | RM4.95 | C | RM5.85 |
| B | RM5.60 | D | RM6.15 |

- 44.



Rajah di atas menunjukkan 4 buah bekas berisi air. Isipadu air di dalam bekas S kurang 200 ml daripada bekas R.

Purata isipadu air, dalam ml, di dalam sebuah bekas ialah


- | | | | |
|---|-----|---|-----|
| A | 640 | C | 740 |
| B | 690 | D | 830 |

45. Seorang penjaja membeli 72 biji oren dengan jumlah harga RM36. Didapati 6 biji daripadanya busuk dan dibuang. Bakinya dijual dengan harga 60 sen sebiji. Berapakah peratus untung daripada harga beli?
- A 10 C 80
B 20 D 90
46. Jumlah calon yang menduduki suatu ujian sains ialah 300 orang. Jika 15 orang calon gagal dalam ujian itu, berapakah peratus calon yang lulus?
- A 5 C 55
B 45 D 95

Sangkar P	△ △
Sangkar Q	△ △ △ △

△ mewakili 80 ekor burung puyuh


47. Piktograf pada rajah di atas menunjukkan bilangan burung puyuh yang dipelihara oleh Alwi. Jika $\frac{3}{5}$ daripada bilangan burung puyuh itu telah bertelur, berapa ekor burung puyuh yang belum bertelur?
- A 48 C 192
B 92 D 288
48. Carta Palang di bawah menunjukkan bilangan buku yang dijual dalam tempoh empat bulan.



Purata bilangan buku dijual sebulan ialah


- A 400 C 800
B 575 D 2 300

49. Rajah di bawah ialah carta -palang yang menunjukkan markah kebersihan sebuah kelas.



Markah kebersihan minggu IV adalah 40% daripada jumlah markah minggu I, II, dan III. Antara berikut, yang manakah benar mengenai markah minggu IV?

- A Sama dengan markah minggu I
- B Kurang daripada markah minggu II
- C $\frac{1}{4}$ daripada markah minggu III
- D Sama dengan beza markah antara minggu I dengan minggu II



50. Carta palang pada Rajah di atas menunjukkan bilangan ahli persatuan silat dalam empat buah kampung J, K, L dan M. Bilangan yang menjadi ahli persatuan itu ialah $\frac{1}{8}$ sahaja daripada jumlah penduduk empat buah kampung itu.

Berapakah jumlah penduduk empat buah kampung itu?

- A 104
- B 260
- C 1 820
- D 2 080